

Pengunduran Perdagangan Bebas British dan Kebangkitan Neomerkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1926-1939

The Retreat of British Free Trade and the Rise of Neomercantilism in Federated Malay States, 1926-1939

MOHD SHAZWAN MOKHTAR, MOHD SAMSUDIN & SUFFIAN MANSOR

ABSTRAK

Artikel ini mengkonstruksi pencejahanan ekonomi Tanah Melayu ketika tahun antara perang dengan tumpuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Sebagai pembekal bahan mentah utama empayar British kedudukan NNMB sering mendapat perhatian kerajaan British dan Pejabat Tanah Jajahan. Walau bagaimanapun, pencejahanan ekonomi imperial ketika tahun antara perang sering memberi tumpuan terhadap Dominions tanpa melibatkan negeri naungan, khususnya NNMB. Batasan kajian ini menyebabkan pembangunan ekonomi di NNMB seolah-olah tidak dipengaruhi dasar ekonomi imperial. Oleh sebab itu, sejarah ekonomi Tanah Melayu sering terikat dengan kerangka perdagangan bebas, sedangkan berlakunya kebangkitan neomerkantilisme di Britain selepas Perang Dunia Pertama. Justeru, artikel ini membuktikan pengaruh neomerkantilisme dalam struktur ekonomi kolonial di NNMB. Tumpuan diberikan terhadap pelaksanaan dasar ekonomi imperial oleh pihak kolonial yang digubal sejak Persidangan Imperial 1926. Kaedah kajian sejarah digunakan untuk mengenal pasti ciri sistem merkantil di NNMB dengan meneliti sumber primer seperti CO 273, 717, 885, CAB 24, T176 dan dokumen pentadbiran kolonial NNMB. Hasil kajian mendapati, sejak tahun 1920-an, dasar ekonomi imperial dipengaruhi dasar Joseph Chamberlain yang bersifat neomerkantilisme. Keutamaan imperial, pembangunan perdagangan antara empayar dan pembangunan produk tropika merupakan dasar neomerkantilisme yang dilaksanakan di NNMB.

Kata kunci: Sejarah ekonomi; Imperialisme British; Neomerkantilisme; Perdagangan global; Empayar kolonial

ABSTRAK

This article constructs Malaya economic historiography during the inter-war years with a focus on the Federated Malay States (FMS). As a major supplier of raw materials for the British empire, the FMS' position often caught the attention of the British government and the Colonial Office. However, the imperial economic historiography during the inter-war years always focused on the Dominion without involving protectorate, especially the FMS. This limitation caused the FMS' economic development seems not influenced by the imperial economic policy. Accordingly, the Malaya economic history often bound with a laissez-faire framework, while there was a resurrection of neomercantilism in Britain after the First World War. Thus, this article proved the influence of neomercantilism in the FMS' colonial economic structure. It focused on the colonial practice of imperial economic policy formulated since the Imperial Conference of 1926. The history research methodology used to identify the mercantile system in the FMS by analysing prime sources such as CO 273, 717, 885, CAB 24, T176 and the FMS' colonial administration documents. The study found that, since 1920s, the imperial economic policy influenced by Chamberlainite policy, which is associated with neomercantilism. The imperial preference, inter-empire trade development and tropical product development are the neomercantilism policies practised in the FMS.

Keywords: Economic history; British imperialism; Neomercantilism; Global trade; Colonial empire

PENGENALAN

Pada tahun 1823, Britain mula meninggalkan dasar merkantil (merkantilisme) dan melaksanakan dasar perdagangan bebas.¹ Melalui dasar perdagangan bebas, British cuba mendapatkan akses perdagangan tanpa halangan pasaran atau diskriminasi tarif

melalui perjanjian bilateral dengan negara lain. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan konsensi eksport perdagangan dan perkapalan British di negara asing (O'brien & Pigman 1992: 94). Pemansuhan 'Corn Laws' pada tahun 1846 merupakan kemuncak pelaksanaan dasar perdagangan bebas dan titik tamat amalan merkantilisme di Britain. Kesannya,

cukai import dan halangan kastam terhadap produk makanan dan jagung asing dihapuskan dalam pasaran Britain (Howe 2002: 201-203). Perdagangan bebas turut mempengaruhi dasar kerajaan British untuk mengendurkan kawalannya terhadap pentadbiran kolonial dan mengelakkan daripada menjajah wilayah baharu yang mendatangkan liabiliti kepada British (McIntyre 1967: 4; Gallagher & Robinson 1953: 2). Malahan, pada tempoh ini juga British kurang bergantung dengan tanah jajahan untuk mendapatkan bekalan makanan dan sumber bahan mentah (Cunningham 1983: 24). Oleh sebab itu, tiada dasar perlindungan ekonomi dilaksanakan di tanah jajahan (Stubbings 2019: 324).

Walau bagaimanapun, Palen (2016) mendapati pelaksanaan dasar perdagangan bebas telah menyebabkan krisis ekonomi global pada abad ke-19. Amalan perdagangan bebas tidak dapat melindungi kedudukan ekonomi domestik daripada kemerosotan ekonomi antara tahun 1873 hingga 1896. Kesannya berlakunya pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan kejatuhan harga pasaran bahan mentah (O'brien & Pigman 1992: 104). Bagi mengatasi masalah tersebut negara-negara Eropah mula mengembalikan dasar merkantilisme dengan mengenakan cukai import bagi melindungi ekonomi domestik masing-masing. Kesannya, sebagai negara perdagangan bebas, Britain gagal memperbaharui perjanjian komersialnya dengan Jerman, Australia dan Itali sehingga menyebabkan pedagang British berhadapan dengan kadar tarif tinggi oleh negara-negara tersebut (O'brien & Pigman 1992: 104). Tekanan tarif negara asing, khususnya Amerika Syarikat mengakibatkan perdagangan British yang bergantung dengan ekonomi eksport menjadi lumpuh. Tarif import di Amerika Syarikat menyebabkan barang British tidak dapat menguasai pasaran negara tersebut. Situasi ini mengakibatkan penurunan permintaan sehingga melumpuhkan sektor perindustrian Britain (Palen 2016:214). Justeru, kerajaan British mula ditekan untuk mengubah dasar komersial oleh rakyatnya (O'brien & Pigman 1992: 104). Dalam konteks dasar ekonomi imperial terhadap tanah jajahan, berlaku perubahan dasar sejak tahun 1895, iaitu setelah Joseph Chamberlain dilantik sebagai Setiausaha Tanah Jajahan. Magnusson (2015), Koot (1993), Constantine (1984) dan Madden (1959), mendapati pentadbiran Chamberlain telah mengembalikan dasar merkantilisme yang kemudiannya dikenali neomerkantilisme sejak tahun 1900 di tanah jajahan. British mula bergantung dengan tanah jajahan untuk mendapatkan bekalan bahan mentah dan makanan

yang murah. Kesannya, Pejabat Tanah Jajahan mula mengawal aktiviti ekonomi tanah jajahan dan mengembalikan dasar perlindungan ekonomi. Namun, Chamberlain gagal mempengaruhi perubahan keseluruhan dasar perdagangan bebas British. Halangan tersebut berlaku kerana beliau berundur daripada pentas politik pada tahun 1906 atas sebab kesihatan dan pada masa yang sama kerajaan British masih didominasi penyokong perdagangan bebas (Tomlinson 2003: 200). Walau bagaimanapun, dasar neomerkantilisme Chamberlain iaitu kebergantungan dengan bekalan bahan mentah dari tanah jajahan dan pelaksanaan perlindungan ekonomi melalui tarif keutamaan diteruskan kerajaan British menjelang tahun 1920-an (Stubbings 2019: 325; Constantine 1984: 30).

ULASAN LITERATUR

Berdasarkan hasil kajian Ashton & Stockwell (1996), dasar neomerkantilisme oleh Chamberlain menjadi dominan menjelang tahun 1920-an. Kerajaan Britain mula campur tangan secara terus untuk mengawal kegiatan ekonomi tanah jajahan bagi meningkatkan lagi keupayaan ekonomi metropolitan (Ashton & Stockwell 1996: x-xi). Tomlinson (2003) pula mendapati pelaksanaan dasar tersebut mengakibatkan hubungan ekonomi tanah jajahan dalam empayar kolonial berpusat di London. Bentuk kebergantungan ini adalah disebabkan kerajaan British tidak mempunyai kuasa kawalan ekonomi terhadap Dominion yang telah diberikan autonomi berkerajaan sendiri sejak tahun 1925 (Tomlinson 2012: 211-214).² Oleh sebab itu, ketika Persidangan Imperial pada tahun 1926, kerajaan British mengambil keputusan melaksanakan dasar pembangunan antara empayar untuk mengawal ekonomi eksport di tanah jajahan. Tumpuan terhadap ekonomi eksport ini merupakan strategi British untuk memulihkan kedudukan ekonomi metropolitan yang merosot kesan Perang Dunia Pertama (Imperial Conference 1926: 31). Namun, British masih mengekalkan dasar perdagangan bebasnya pada peringkat global tetapi meneruskan kawalannya terhadap struktur ekonomi kolonial. Berdasarkan keadaan tersebut, terdapat kajian yang mentafsirkan bahawa dasar ekonomi Britain bersifat liberal (Bromhead, Fernihough, Lampe & O'Rouke 2018: 126). Tomlinson (2012) mendapati perubahan dasar ekonomi tersebut merupakan kesan pergelutan antara golongan imperialis British dengan golongan pedagang bebas. Pergelutan

ini lebih memihak kepada golongan imperialis disebabkan masalah pengangguran di Britain yang tidak dapat diselesaikan menerusi perdagangan bebas. Oleh sebab itu, dasar ekonomi imperial yang bersifat neomerkantilisme menjadi pilihan untuk meneruskan pengumpulan lebihan perdagangan dan kawalan kerajaan British terhadap perdagangan global tanah jajahan bagi menyelesaikan masalah pengangguran di Britain (Mokhtar & Samsudin 2017: 77).

Walau bagaimanapun, pengkaji sejarah ekonomi Tanah Melayu seperti Meyer (1948), Allen & Donnithorne (1957: 35) dan Kratoska (2000) hanya mengesan pengunduran dasar perdagangan bebas British berlaku pada tahun 1932 iaitu ketika Persidangan Ottawa memutuskan pelaksanaan dasar keutamaan imperial. Sementara, Courtenay (1972: 17) berpandangan dasar perdagangan bebas hanya berlaku disebabkan masalah ekonomi ketika era antara perang. Kebergantungan pengkaji terhadap penulisan sekitar tahun 1950-an hingga 1970-an ini menyebabkan historiografi ekonomi Tanah Melayu terbatas dalam kerangka perdagangan bebas dan gagal mengenal pasti pengaruh kebangkitan neomerkantilisme British seperti dalam perbincangan Ashton & Stockwell (1996), Tomlinson (2003) dan Tomlinson (2012). Wong (1979) terdahulu telah mengulas kebanyakannya penulisan lama tersebut dan mendapati wujudnya lompang kajian yang besar disebabkan kegagalan pengkaji awal untuk menggunakan rekod dan sumber primer dari arkib sama ada di Malaysia maupun di United Kingdom. Kritikan ini turut disokong dalam kajian Yeo (1971) berkaitan dasar British terhadap masyarakat Melayu pada tahun 1920-an hingga 1940. Beliau mendapati sehingga tahun 1966, rekod-rekod kolonial bagi Tanah Melayu termasuklah NNMB masih tidak lagi dibuka kepada penyelidik. Kebanyakan rekod NNMB dan NNS khususnya siri CO 717 dan CO 273 hanya mula dibuka aksesnya untuk penyelidikan sekitar pertengahan tahun 1970-an. Ashton & Stockwell (1996) turut menambah terdapat sebahagian rekod yang diteruskan sekatan aksesnya sehingga 30 tahun atau lebih.

Masalah kajian ini menyebabkan pengkaji awal bergantung dengan model ekonomi bagi menkaji sejarah ekonomi di Tanah Melayu. Antaranya model dualisme dan saluran untuk lebihan. Namun, Booth (2007) mendapati terdapat aspek model-model tersebut yang tidak realistik dalam konteks ekonomi kolonial pada abad ke-20. Penggunaan model dualisme misalnya, mengenepikan peranan kerajaan

kolonial dalam pembangunan ekonomi kolonial (Booth 2007:10). Sedangkan, penulisan Drabble (1974:204) mengakui wujudnya kawalan kerajaan British terhadap ekonomi Tanah Melayu. Batasan kajian juga wujud dalam penulisan Courtenay (1972) yang menggunakan model perdagangan bebas bagi menjelaskan ekonomi eksport kolonial dan perlindungan ekonomi oleh British di Tanah Melayu. Berdasarkan ulasan Wong (1979:4), kajian ini terbatas dalam sektor komersial dan mengenepikan aspek ekonomi politik kolonial, khususnya pengaruh Pejabat Tanah Jajahan dalam perubahan struktur ekonomi Tanah Melayu. Bahkan, hujah Courtenay (1972: 132) berkaitan campur tangan kerajaan kolonial terhadap ekonomi eksport adalah untuk mengekalkan kepentingan sektor komersial eropah tidak mempunyai bukti substantif. Penulisan terkini oleh Gardner & Roy (2020:125) yang mendapati ekonomi eksport, terutamanya produk pertanian di Tanah Melayu dikawal kerajaan bagi memenuhi matlamat ekonomi kolonial. Masalah kajian yang sama terdapat dalam penulisan Allen & Donnithorne (1957: 43) juga bergantung dengan sumber kedua untuk menghujahkan tiada kawalan yang ketat oleh kerajaan kolonial terhadap kegiatan ekonomi di Tanah Melayu sehingga menjelang Perang Dunia Pertama. Walau bagaimanapun, kajian terkini oleh Mokhtar, Azmi & Samsudin (2017) telah membuktikan wujudnya kawalan langsung kerajaan kolonial terhadap struktur ekonomi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seawal tahun 1909 hingga tahun 1913. Sementara, penulisan Loh (2002) terdahulu telah mengesan trend perubahan dasar ekonomi imperial di Tanah Melayu ketika era antara perang. Namun, penulisan tersebut tidak memperincikannya.

Selain itu, Meyer (1948), Allen & Donnithorne (1957: 35), Courtenay (1972) dan Kratoska (2000) hanya menggunakan hujah pelaksanaan dasar keutamaan imperial dan perlindungan ekonomi bagi membuktikan tamatnya perdagangan bebas British di Tanah Melayu. Hujahan ini bertentangan dengan penulisan Magnusson (2015), Koot (1993), Constantine (1984) dan Madden (1959) yang membuktikan pengunduran perdagangan bebas British bukanlah semata-mata disebabkan dasar keutamaan imperial. Kawalan kerajaan dan pengutamaan terhadap ekonomi eksport tanah jajahan bagi meningkatkan lebihan (*surplus*) juga merupakan antara dasar neomerkantilisme. Namun, perkembangan di Britain ini tidak dikaitkan dengan substantif dalam konteks perkembangan ekonomi di Tanah Melayu. Malahan penulisan-penulisan

awal tersebut terlalu bergantung dengan rekod dan struktur ekonomi NNS bagi menjelaskan situasi yang berlaku di NNMB. Pendekatan ini tidak tepat, kerana NNMB dan NNS mempunyai sistem fiskal dan struktur politik yang berbeza (CO 273/527 1924). Misalnya, Courtenay (1972: 130) menggunakan sumber NNS untuk menjelaskan sikap pegawai kolonial terhadap Tanah Melayu pada pertengahan 1930-an adalah untuk mengekalkan perdagangan bebas. Generalisasi ini tidak tepat kerana pada tahun 1933 Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisyiharkan dasar perdagangan bebas tidak lagi sesuai (CO 717/99 1933). Tambahan lagi, hasil kajian ini mendapati kerajaan NNMB telah melaksanakan dasar keutamaan imperial seawal tahun 1916 iaitu melalui Enakmen Percukaian Perang, berbanding generalisasi Meyer (1948:11) yang mengatakan Tanah Melayu mula melaksanakan dasar tersebut pada tahun 1932. Di samping itu, Pejabat Tanah Jajahan terlebih dahulu meluluskan pelaksanaan cukai import bagi kebanyakan komoditi seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 di NNMB (CO 717/81 1931). Meyer (1948: 48) turut menjelaskan kedudukan perdagangan entreport Tanah Melayu menjadi pertimbangan penting British dalam pelaksanaan dasar keutamaan imperial. Penyataan ini bersifat janggal kerana dalam penulisan yang sama Meyer (1948: 43) memetik kenyataan Setiausaha Tanah Jajahan bahawa Johor, Kedah dan Perlis tidak mempunyai perdagangan entreport. Berdasarkan sumber Pejabat Tanah Jajahan, hanya pelabuhan NNS yang berperanan sebagai pelabuhan entreport bagi seluruh Tanah Melayu (CO 852/97/11 1937). Sementara, British menjadikan Port Swettenham sebagai pelabuhan asasi utama bagi NNMB menerima kapal-kapal dagang British dan mengeskport bahan mentah secara terus ke United Kingdom dan negara Barat lain (CO 576/1; CO 852/94/14 1937).

Seperti yang diutarakan oleh Drabble (1974), Wong (1979) dan Booth (2007) kawalan kerajaan kolonial terhadap ekonomi NNMB dinafikan dalam penulisan lepas tanpa pembuktian substantif. Masalah ini menyebabkan tafsiran sejarah ekonomi Tanah Melayu masih terbatas dalam kerangka perdagangan bebas, walaupun rekod dan data ekonomi kolonial membuktikan wujudnya dasar neomerkantilisme. Malahan, hasil kajian terkini telah membuktikan wujudnya perubahan dasar perdagangan bebas kepada dasar neomerkantilisme pada peringkat metropolitan terhadap empayar kolonial. Penulis-penulis awal juga tidak menjelaskan dengan tepat

sebab British membangunkan ekonomi eksport di NNMB. Menurut Gardner & Roy (2020), pengenalan ekonomi eksport di tanah jajahan sebagai pembekal bahan mentah dan tempat memasarkan barang dari negara penjajah merupakan ciri merkantilisme. Ciri ini telah wujud sejak pembentukan NNMB lagi (CO 576/1 1903). Berdasarkan lompong kajian tersebut, artikel ini menilai kesan kelemahan dasar perdagangan bebas di London terhadap pengukuhan dasar neomerkantilisme British di NNMB. Terdapat tiga dasar neomerkantilisme dominan yang dilaksanakan British di NNMB iaitu keutamaan imperial, perdagangan antara empayar dan pembangunan produk tropika. Ketiga-tiga dasar ini boleh dikaitkan dengan kedudukan NNMB sebagai entiti ekonomi yang maju di Tanah Melayu (Azlizan & Suraini 2018:17-18). Berdasarkan penggunaan sumber primer yang luas, kajian ini menyumbang kepada pembuktian wujudnya kawalan kerajaan British terhadap ekonomi NNMB yang sebelum ini dinafikan oleh penulis terdahulu. Tambahan pula, kajian ini menyumbang kepada pengaruh dasar ekonomi imperial yang diputuskan Persidangan Imperial 1926 dan 1930 yang kurang mendapat perhatian pengkaji sejarah ekonomi Tanah Melayu. Kepentingan dasar yang diputuskan dalam kedua-dua persidangan ini ialah kemuncak kepada pengukuhan dasar neomerkantilisme British di NNMB.

KEMEROSOTAN PERDAGANGAN BEBAS BRITISH

Permulaan era perdagangan bebas British berlaku sejak abad ke-18 iaitu setelah Bapa Ekonomi Kapitalisme iaitu Adam Smith mengkritik dasar merkantilisme British pada tahun 1776. Smith berhujah pelaksanaan dasar merkantilisme yang mengawal ekonomi dengan menghalang eksport dari tanah jajahan ke negara lain selain Britain. Ianya juga menyebabkan kejatuhan harga pasaran komoditi dan meningkatkan kos operasi. Kesannya, ekonomi eksport di tanah jajahan tidak dapat dimajukan. Selain itu, Smith turut mengkritik dasar Britain selaku negara induk (*mother country*) yang mengawal hubungan perdagangannya dengan tanah jajahan (Lihat Smith 2003: 704-707). Beliau berpandangan tindakan mengikat hubungan import tanah jajahan dengan negara induk tidak memberi kelebihan kepada pegadang British. Masalah berlaku apabila pedagang British

terpaksa membeli komoditi yang mahal dari tanah jajahan dan menghadapi masalah untuk mendapat keuntungan ketika menjualnya dalam pasaran negara induk. Oleh itu, Smith berpandangan adalah lebih baik membebaskan ikatan perdagangan ini dengan membolehkan import komoditi dari negara asing. Menurut beliau, kesan perubahan ini akan membolehkan Britain muncul sebagai emporium di Eropah apabila setiap komoditi import dari negara asing dapat dikumpulkan di pelabuhan Britain (Wiener 1972a: 2065-2075).

Smith turut mengkritik prinsip asas dalam doktrin merkantilisme yang mengutamakanimbangan perdagangan sebagai sumber kekayaan (Smith 2003: 815). Beliau mendapati prinsip mengutamakanimbangan perdagangan dengan memberi tekanan terhadap ekonomi import menerusi pengenalan tarif tidak memberi keuntungan. Menurut Smith, teori prinsip ini yang menjangkakan hanya satu pihak sahaja yang dapat memperolehi keuntungan sebagai satu anggapan yang salah. Beliau berhujah,

But that trade which, without force or constraint, is naturally and regularly carried on between any two places, is always advantageous, though not always equally so, to both.

(Smith 2003: 614-615)

Kemuncak kritikan terhadap dasar merkantilisme berlaku pada tahun 1820-an apabila ahli parlimen British mula mengkritik Undang-Undang Pelayaran. Pelaksanaan undang-undang ini sejak abad ke-17 dikatakan tidak praktikal kerana golongan pedagang dan pengilang British yakin dengan kekuatan sektor perindustrian tidak perlu dilindungi daripada persaingan asing. Sawer (1992) menjelaskan penolakan pedagang dan pengilang British terhadap undang-undang tersebut disebabkan kawalan kerajaan terhadap aktiviti import dan eksport mereka. Melalui undang-undang ini, aktiviti perdagangan antara negara asing dengan British termasuklah tanah jajahan perlu melalui pelabuhan British dahulu sebelum dieksport semula. Young (1928) turut menambah, golongan pengilang British berpandangan tindakan kerajaan mengenakan cukai import terhadap barang asing melalui Undang-Undang Pelayaran akan memberi risiko terhadap pasaran barang mereka. Alasannya, kedudukan sektor perindustrian Britain akan menghadapi bahaya dengan tindakan negara asing mengenakan duti import yang tinggi terhadap produk hasil pembuatan mereka sekiranya kerajaan British mengenakan duti import yang tinggi terhadap komoditi dan barang mereka. Gerakan perdagangan bebas ini seterusnya

berkembang di bandar-bandar perdagangan utama seperti London, Manchester dan Glasgow. Peringkat awal pelaksanaan dasar perdagangan bebas British ialah menerusi penguatkuasaan ‘*Reciprocity of Duties Act*’ pada tahun 1823. Akta ini membolehkan kerajaan British menandatangani perjanjian perdagangan bebas dengan negara asing (UK Parliament, 2019). Seterusnya, pelaksanaan dasar merkantilisme dalam sistem perdagangan Britain tamat pada tahun 1846 setelah sistem tarif import ditamatkan (Young 1928: 189).

Walau bagaimanapun, masalah kemelesetan ekonomi yang dihadapi Britain pada akhir abad ke-19 (1873-1896) telah mendorong ahli politik konservatif dan golongan ekonomi nasionalis British menilai semula pelaksanaan dasar perdagangan bebas. W. Cunningham, W. Ashley dan W.A.S Hewins merupakan antara tokoh ekonomi nasionalis British berpengaruh yang menolak pelaksanaan dasar perdagangan bebas dan mempertahankan dasar neomerkantilisme. Ketiga-tiganya mengkritik perdagangan bebas hanya menguntungkan golongan kapitalis sehingga menyebabkan kejatuhan taraf hidup masyarakat kelas rendah (Magnusson 2015: 21-22). Tambahan pula, Ashley dan Hewins turut berperanan menyokong dasar neomerkantilisme Chamberlain (Koot 1993:205). Sokongan terhadap dasar neomerkantilisme disebabkan dasar perdagangan bebas dianggap menyebabkan Britain tidak mampu untuk bersaing dengan negara asing dalam perdagangan global terutamanya dengan Amerika Syarikat. Masalah ini berlaku kerana campur tangan kerajaan Amerika Syarikat mengawal kegiatan ekonomi negaranya dengan melaksanakan dasar perlindungan ekonomi menerusi penguatkuasaan tarif import. Situasi di Amerika Syarikat mempengaruhi perkembangan di Britain apabila kerajaan British didesak untuk mengukuhkan kawalan politik, ketenteraan dan ekonomi di tanah jajahan daripada monopoli negara asing (Palen 2016: 207-219).

Keperluan campur tangan kerajaan British dalam persaingan perdagangan dengan Amerika Syarikat adalah disebabkan tindakan kerajaan Amerika Syarikat menguatkuasakan Tarif McKenley pada tahun 1890. Pelaksanaan sistem tarif ini telah memberi kesan terhadap hubungan eksport dari Britain dan tanah jajahannya ke dalam pasaran Amerika Syarikat (Palen 2016: 207-219). Walaupun begitu, pada peringkat awal, kerajaan British cuba untuk bertahan dengan melaksanakan dasar ekonomi ‘*free trade imperialism*’ iaitu hanya

melaksanaan perdagangan bebas antara Britain dengan tanah jajahan dan melakukan perjanjian perdagangan yang bersifat unilateral dengan negara asing. Dasar ini hanya kekal sehingga tahun 1903 setelah Joseph Chamberlain, Setiausaha Tanah Jajahan (1895-1903) cuba untuk mengembalikan dasar merkantilisme dengan mengembalikan tarif import untuk melindungi sektor perdagangan Britain (Tomlinson 2003: 200; Cain 1999: 3-4). Chamberlain berhujah sejak tahun 1873 hingga 1903, kedudukan ekonomi eksport Britain dalam keadaan yang lembap berbanding Amerika Syarikat dan Jerman yang melaksanakan dasar perlindungan ekonomi. Keadaan ini berlaku disebabkan halangan tarif import di Amerika Syarikat dan Jerman menyebabkan eksport dari Britain kurang memasuki pasarnya, sedangkan import dari kedua-dua negara tersebut meningkat disebabkan dasar perdagangan bebas di Britain. Oleh sebab itu, Chamberlain menggesa agar kerajaan British mula mengawal hubungan perdagangan di tanah jajahan sebagai alternatif bagi pasaran di Eropah. Hal ini dikatakan demikian kerana tanah jajahan British juga mengalami masalah yang sama seperti Britain iaitu berlakunya peningkatan import asing berbanding eksport dari tanah jajahan ke negara asing (Wiener 1972b: 2841-2851).

Gallagher & Robinson (1953:6) mengutarakan ciri perbezaan penting antara dasar merkantilisme dengan dasar perdagangan bebas British sebagai, wujudnya campur tangan kerajaan untuk mengawal ekonomi tanah jajahan bagi tujuan eksploitasi ketika era merkantilisme, berbanding berlakunya pengenduran kawalan kerajaan ketika era perdagangan bebas. Namun, pada akhir abad ke-19, dasar perdagangan bebas gagal melindungi kepentingan ekonomi British di tanah jajahan. Berdasarkan faktor ini, Gallagher & Robinson (1953:12) berhujah British mula mengembalikan dasar kawalan ekonomi untuk menghalang penguasaan atau monopoli asing di tanah jajahannya. Kedua-dua penulis ini merumuskan perubahan dasar ekonomi imperial pada akhir abad ke-19 tersebut disebabkan '*obsolescence of free trade*'.

KEBANGKITAN NEOMERKANTILISME

Berdasarkan perspektif sejarah ekonomi, merkantilisme dan neomerkantilisme dibezakan mengikut era perkembangannya. Merkantilisme berkembang ketika era pra-industri kapitalisme iaitu antara abad ke-16 hingga awal abad ke-18.

Sementara itu, neomerkantilisme berkembang pada abad ke-20 (Johnson 1974: 6, Lepreche & Uzunidis 2009: 2). Neomerkantilisme meneruskan legasi idea merkantilisme yang memberi tumpuan terhadap pengumpulan lebihan (*surplus*) akaun semasa dalam imbalan pembayaran negara. Lebihan ini diperolehi menerusi keutamaan ekonomi terhadap eksport berbanding import (Guerrieri & Padoa-Schioppa 1986:30). Namun, perbezaan antara kedua-duanya ialah terhadap ciri perlindungan ekonomi dalam neomerkantilisme yang memberi tumpuan terhadap perlindungan aliran pendapatan dankekayaan negara daripada sektor industri domestik. Oleh sebab itu, neomerkantilisme menekankan campur tangan kerajaan dalam sektor ekonomi untuk menggalakkan lagi peluang pekerjaan (Johnson 1974: 6). Kebangkitan neomerkantilisme ini seterusnya telah mempengaruhi pembentukan dasar ekonomi imperial British untuk tanah jajahannya pada abad ke-20 (Koot 1993: 189).


Masalah ekonomi yang dihadapi Britain sejak akhir abad ke-19 telah mendorong kepada perkembangan perbahasan terhadap idea ekonomi klasik dan neoklasik British antara tahun 1870 hingga 1920. Berdasarkan perkembangan ini, idea merkantilisme telah dinilai semula dan mula dikenali sebagai neomerkantilisme menjelang abad ke-20. Doktrin ekonomi ini dipulihkan semula oleh ahli ekonomi dan politik British bagi menangani kemelesetan ekonomi yang berlaku di Eropah antara tahun 1873 hingga 1896 (Lihat Mokhtar, Azmi & Samsudin 2017: 4-5). Tomlinson (2003) berpandangan struktur ekonomi imperial yang berpusat di Britain merupakan pengaruh neomerkantilisme yang menjadikan tanah jajahan sebagai sumber kekuatan ekonomi. Di samping itu, Mokhtar, Azmi & Samsudin (2017) mendapati W. Cunningham merupakan tokoh ekonomi British awal yang menyumbang kepada kebangkitan neomerkantilisme di Britain. Beliau menggesa penglibatan kerajaan secara langsung dalam kegiatan ekonomi untuk melindungi Britain daripada monopoli dan persaingan negara asing. Cunningham turut mengkritik dasar perdagangan bebas British hanya menyebabkan pembangunan ekonomi yang tidak seimbang iaitu keuntungan sebelah pihak yang dinikmati oleh golongan peniaga dan pengilang.

Usaha Cunningham ini diteruskan lagi oleh J.M. Keynes, ahli ekonomi berpengaruh British yang turut mengkritik dasar perdagangan bebas tidak menyelesaikan masalah pengangguran di Britain pasca Perang Dunia Pertama. Masalah ini

berlaku apabila pasaran ekonomi Eropah mundur disebabkan tumpuan terhadap usaha pemulihan selepas perang sehingga menyebabkan kemerosotan kuasa beli dalam pasaran. Kedudukan ekonomi ini memberi kesan langsung terhadap perkembangan sosioekonomi di Britain yang menghadapi masalah pengangguran sehingga melebihi 12.2 peratus pada akhir tahun 1921 (T 176/11 1923). Keynes berpandangan bagi menyelesaikan masalah ini, peranan kerajaan lebih signifikan dengan melaksanakan dasar fiskal yang berkesan (Keynes 2017: xxii). Dalam kajian Raico (2008) mendapati Keynes dan penyokongnya mengakui keperluan untuk membangkitkan neomerkantilisme disebabkan wujudnya kecacatan asas dalam teori ekonomi klasik. Kekurangan ini telah menyebabkan proses pembentukan dasar ekonomi Britain bersifat tidak realistik sehingga mewujudkan kecacatan dalam pengurusan kewangan kerajaan. Kesannya, Britain menghadapi masalah pengangguran sejak tahun 1920-an sehingga terpaksa berhadapan zaman meleset pada tahun 1930-an. Oleh sebab itu, dalam karyanya (*The General Theory of Employment, Interest and Money*), Keynes telah meninggalkan pandangan tokoh perdagangan bebas seperti David Hume dan Adam Smith (Raico 2008: 166-167). Kemuncak kritikan Keynes terhadap dasar perdagangan bebas adalah setelah beliau mengisyiharkan tamatnya perdagangan bebas pada tahun 1926 (Koot 1987: 203). Walaupun pengisyiharaan tersebut merupakan syarahan umum beliau di Universiti Berlin (Lihat Keynes

2010). Idea ekonomi beliau telah mempengaruhi Reginal Mckenna Pengerusi Bank London Joint City dan Midland yang mencadangkan pembangunan perdagangan imperial British bagi mewujudkan pasaran ekonomi baharu untuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan kuasa beli. Alasan Mckenna yang juga mantan Canselor Perbendaharaan British ialah Britain tidak boleh terus bergantung dengan pasaran Eropah untuk membangunkan ekonominya selepas perang, memandangkan negara-negara Eropah turut bergelut dengan masalah ekonomi (T 176/25A 1925-1927).

Rajah 1 menunjukkan perbezaan nilai eksport antara empayar British dengan Eropah dari tahun 1913 hingga 1926. Secara keseluruhannya kebergantungan Britain terhadap tanah jajahan telah menjadi penyelesaian terhadap kemelesetan ekonomi yang berlaku selepas tamat Perang Dunia Pertama. Rajah ini turut membuktikan kedudukan pasaran ekonomi Eropah yang tidak lagi menjadi keutamaan Britain yang mula memberi tumpuan terhadap pasaran empayar. Hujah ini dibuktikan menerusi peratusan eksport yang diterima empayar British dari Britain meningkat kepada 48.7 peratus pada tahun 1926. Faktor penyumbang kepada peningkatan ini ialah berdasarkan jumlah populasi empayar British yang lebih tinggi daripada populasi Eropah. Hal ini kerana perkembangan populasi di tanah jajahan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap peningkatan eksport Britain dalam pasaran empayar (T176/25A 1925-1927).



RAJAH 1: Perbandingan Nilai Eksport Empayar British dengan Eropah, 1913-1926

Sumber: T176/25A, 1925-1927

Sumbangan Keynes dalam kebangkitan neomerkantilisme British turut dibuktikan menerusi peranan beliau sebagai Pengurus Majlis Penasihat Ekonomi bagi kerajaan British. Majlis ini tubuhkan sendiri Perdana Menteri British pada tahun

1930 bagi menilai kedudukan ekonomi Britain dan merangka penyelesaian terhadap masalah kemelesetan ekonomi yang berlaku. Pihak majlis telah melaporkan keadaan ekonomi Britain sebagai,

The present depression of trade is one which Great Britain shares with most of the civilised world. Since the autumn of last year we have been in the grip of a downward fluctuation of trade which has engulfed almost every country, whether free trade or protectionist, agricultural or manufacturing, backward or forward in economic efficiency.

(CAB 24/216/CP/363/1 1930)

Dasar ekonomi yang bersifat neomerkantilisme menjadi jalan penyelesaian Keynes dan majoriti ahli Majlis Penasihat Ekonomi untuk menyelesaikan masalah ekonomi tersebut. Langkah pembangunan dan perlindungan terhadap ekonomi domestik cuba diketengahkan oleh pihak majlis bagi meningkatkan keberkesanan sektor perindustrian supaya dapat mewujudkan peluang pekerjaan. Oleh itu, pelaksanaan tarif perlindungan perlu dilaksanakan oleh kerajaan British dengan mengenakan tarif import sebanyak 10 peratus untuk setiap barang import termasuklah makanan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan hubungan perdagangan antara empayar kekal beroperasi, pihak majlis menerima prinsip perdagangan bebas antara Britain dengan Dominion dan tanah jajahan yang lain iaitu keutamaan imperial terhadap komoditi dan barang yang dihasilkan dari empayar (CAB 24/216/CP/363/1 1930).

PENGARUH NEOMERKANTILISME DALAM DASAR EKONOMI IMPERIAL

Pada awal abad ke-20, pengaruh neomerkantilisme yang dapat dikesan dalam dasar ekonomi imperial British adalah menerusi pelaksanaan sistem cukai keutamaan imperial pada tahun 1915, pembentukan dasar pembangunan perdagangan antara empayar pada tahun 1926 dan pelaksanaan dasar pembangunan tanah jajahan tropika pada tahun 1927. Pelaksanaan ketiga-tiga dasar imperial ini merupakan satu bentuk pengunduran dasar perdagangan British apabila kerajaan British mula mengawal secara langsung aktiviti ekonomi di tanah jajahan. Malah, pelaksanaan keutamaan imperial sebenarnya merupakan perlindungan ekonomi dengan mengenakan tarif import yang sebelum ini dikritik oleh Adam Smith.

Pada tahun 1926, kerajaan British telah menganjurkan Persidangan Imperial bertujuan mengukuhkan lagi hubungan perdagangan antara empayar. Persidangan ini meneruskan agenda neomerkantilisme British yang dipelopori Joseph Chamberlain sejak akhir abad ke-19 dengan memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi eksport di tanah jajahan bagi meningkatkan nilai

perdagangan empayar. Dalam persidangan ini juga, Leo Amery yang merupakan Setiausaha Tanah Jajahan membentangkan dasar pembangunan tanah jajahan tropika bagi meningkatkan lagi bekalan bahan mentah yang diperlukan dalam sektor perindustrian empayar British. Pelaksanaan dasar tersebut turut melibatkan Tanah Melayu yang berperanan sebagai pembekal bahan mentah (Imperial Conference 1926: 31). Fungsi ekonomi Tanah Melayu tersebut sebenarnya telah ditetapkan oleh Winston Churchill, Setiausaha Tanah Jajahan ketika Persidangan Imperial 1921 (Great Britain 1921). Menerusi bekalan bahan mentah yang mapan dari tanah jajahan tropika, pedagang-pedagang empayar British tidak perlu lagi bergantung dengan sumber bahan mentah daripada pedagang Eropah yang lain. Malah, kebergantungan pedagang-pedagang dari empayar British terhadap jaringan perdagangan antara empayar dapat melindungi mereka daripada persaingan import dari negara asing (Imperial Conference 1926: 31).

Agenda ekonomi neomerkantilisme British diteruskan lagi dalam Persidangan Imperial 1930. Berbanding persidangan pada tahun 1926, tumpuan persidangan pada tahun 1930 ialah menjadikan dasar perdagangan antara empayar sebagai dasar utama dalam komanwel British. Walaupun pelaksanaan dasar ini dianggap merisikokan hubungan perdagangan antarabangsa Britain, kerajaan British yakin dengan kebergantungan terhadap eksport dari empayarnya dapat menjadi alternatif bagi produk dari negara lain. Oleh sebab itu, persidangan ini turut mengambil keputusan untuk mengekalkan keutamaan terhadap produk dari empayar berbanding produk asing. Hal ini termasuk penetapan kuota import dan eksport yang perlu dipatuhi setiap tanah jajahan bagi memastikan jaringan perdagangan antara empayar mendapat bekalan yang sepatutnya (New Zealand 1931: 24-25). Seterusnya, kemuncak pengunduran keseluruhan dasar perdagangan bebas British berlaku pada tahun 1932 iaitu ketika penganjuran Persidangan Ottawa. Menerusi persidangan ini, kerajaan British berjaya mendapat persetujuan keseluruhan kerajaan Dominion untuk melaksanakan dasar keutamaan tarif perdagangan. Dasar ini membolehkan setiap pelabuhan dalam jaringan perdagangan antara empayar menikmati kelebihan tarif berbanding di pelabuhan negara asing. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kuasa beli dalam pasaran empayar British. Walau bagaimanapun, import dan eksport pedagang asing menghadapi halangan tarif yang dikenakan di setiap

pelabuhan dalam jaringan perdagangan antara empayar British (CAB 24/232/CP/298/3 1932).

KEUTAMAAN IMPERIAL

Keutamaan imperial yang dilaksanakan kerajaan British pada tahun 1915 turut dikenali sebagai Cukai MacKenna. Pelaksanaan sistem cukai ini bertujuan melindungi ekonomi domestik Britain daripada monopoli import dari negara asing. Walaupun begitu, pelaksanaan Cukai MacKenna hanya memberi tumpuan terhadap import barang mewah bagi mengurangkan kadar pertukaran matawang Sterling dengan mata wang asing dan sebagai sumber pendapatan Britain ketika era Perang Dunia Pertama (Mace & Adam 1933:226). Dasar cukai MacKenna ini dilaksanakan di NNMB melalui Enakmen Percuaian Perang 1916, cukai sebanyak 10 peratus '*ad valorem*' dikenakan terhadap import kenderaan bermotor dan basikal (The Straits Times 1916). Setelah tamat perang, pelaksanaan keutamaan imperial diteruskan lagi kerajaan British setelah Parlimen British meluluskan Akta Kewangan 1919. Akta ini melindungi sektor perdagangan Britain dengan memberi keutamaan kastam terhadap barang yang diimport dari empayar British. Akta ini turut memberi takrif yang jelas terhadap empayar British yang tertakluk dengan pelaksanaan sistem tarif keutamaan imperial. Menurut akta ini, empayar British ialah,

... any of His Majesty Dominions outside Great Britain and Ireland, and any territories under His Majesty's protection, and include India.

(CO 717//55/7 1927)

Sebagai negeri naungan British, NNMB turut tertakluk secara langsung dengan pelaksanaan keutamaan imperial yang dikuatkuasakan dalam Akta Kewangan 1919. Dasar keutamaan imperial terus dikukuhkan lagi pada tahun 1921 apabila Parlimen British meluluskan Akta Perlindungan Industri. Akta ini mengenakan cukai '*ad valorem*' sebanyak $33\frac{1}{3}$ peratus terhadap komoditi import bagi industri automobil, produk alkohol, gula dan tembakau dari negara asing (Mace & Adam 1933:226). Pengaruh akta ini di NNMB dikesan setelah Enakmen Kastam 1920 dipinda pada tahun 1922. Pindaan ini membolehkan kerajaan NNMB mengenakan duti import terhadap kebanyakan produk arak antara \$0.90 hingga \$10.00 untuk setiap 1 gelen (Lihat Mokhtar 2018:96).

Keputusan Persidangan Imperial 1926 untuk meneruskan pelaksanaan dasar keutamaan imperial mendapat reaksi berbeza di NNMB. Sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Laurence Guillemard telah memaklumkan kepada Leo Amery, Setiausaha Tanah Jajahan bahawa keadaan semasa di NNMB tidak memihak kepada pelaksanaan dasar keutamaan imperial yang bersifat perlindungan. Guillemard memberi alasan NNMB terdahulu telah mengadakan perjanjian komersial dengan negara Jepun (1911), Bolivia (1911), Mesir (1899), Estonia (1920), Honduras (1910), Lithuania (1922), Serb. Croat-Slovene State (1927) dan Jerman (1926). Beliau turut menggunakan alasan Persidangan Residen 1926 yang membuat keputusan bahawa NNMB bukan sebahagian daripada empayar British (CO 885/29/6 1927). Walau bagaimanapun, Pejabat Tanah Jajahan telah mendapatkan nasihat daripada Kementerian Luar Negeri Britain (*Foreign Office*) bagi melaksanakan dasar keutamaan imperial di NNMB. H.M. Malkin, Penasihat Undang-Undang Kedua, Kementerian Luar Negeri Britain berhujah, berdasarkan Akta Kewangan 1919 tiada halangan untuk kerajaan British melaksanakan dasar keutamaan imperial di negeri-negeri Melayu. Malah hujah Guillemard ditolak dengan alasan,

Nobody could dispute that they [Federated Malay States] from part of "the British Empire"; internationally they have no voice of their own, and we are [British Government] entitled to speak and contract them; internally, according to the Colonial Office List, "the administration of each State is carried on as far as maybe on the model of a Crown Colony".

(CO 7171/55/7 1927)

Berdasarkan alasan ini Kementerian Luar Negeri Britain menganggap NNMB sebahagian daripada empayar British yang tidak boleh dianggap sebagai negara asing. Walaupun, bertaraf negeri naungan, siri perjanjian (Perjanjian Persekutuan 1895, Perjanjian Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909 & 1927) antara British dengan Raja-Raja Melayu dalam NNMB telah memberi kuasa kepada British untuk melaksanakan sistem pentadbiran kolonial seperti model Tanah Jajahan Mahkota. Oleh sebab itu, ketika keadaan perang NNMB tidak boleh dianggap sebagai negara neutral kerana kedudukannya yang terikat sebagai sebahagian daripada empayar British. Pandangan Malkin ini turut mendapat sokongan daripada Sir Cecil Hurts, Penasihat Undang-Undang Kementerian Luar Negeri Britain yang berpandangan,

... Mr. Malkin's minutes shows that on the facts the Malay States are a part of the British Empire. The recent Imperial Conference has affirmed the view that the different parts of the Empire stand towards each other on a footing different from that on which they stand to foreign Powers.

(CO 7171/55/7 1927)

Berdasarkan kedua-dua hujah tersebut, Amery telah memberi tekanan kepada Guillemand, bahawa tiada alasan bagi NNMB untuk menolak pelaksanaan keutamaan imperial kerana negeri-negeri Melayu tersebut merupakan sebahagian daripada empayar British (CO 7171/55/7 1927).

Keputusan Majlis Penasihat Ekonomi kerajaan British yang dipengerusikan Keynes untuk melaksanakan tarif import sebagai sumber pendapatan pada tahun 1930 turut mempengaruhi NNMB (CAB 24/216/CP/363/1 1930; Federated Malay States 1932). Keputusan kerajaan NNMB

untuk melaksanakan dasar tersebut adalah disebabkan impak kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an mengakibatkan kejatuhan harga pasaran komoditi utama iaitu getah dan timah. Kejatuhan harga pasaran komoditi menyebabkan cukai eksport bukan lagi penyumbang sumber pendapatan utama bagi kerajaan NNMB (Federated Malay States 1932). Oleh sebab itu, pelaksanaan keutamaan imperial yang diputuskan dalam Persidangan Ottawa 1932, sebenarnya telah dilaksanakan lebih awal di NNMB. Rumusannya, pelaksanaan keutamaan imperial di NNMB bukan sahaja bermatlamat melindungi import British dan empayar daripada persaingan asing, malah turut menjadi sumber pendapatan bagi kerajaan NNMB. Jadual 1 memaparkan pelaksanaan dasar keutamaan imperial dalam sistem tarif di NNMB. Dasar tersebut telah memberikan kelebihan cukai import yang rendah bagi komoditi dan barang yang berasal dari empayar British.

JADUAL 1. Kadar Tarif Komoditi Terpilih Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

| Komoditi / Barang | Kadar Universal 1931 | Kadar Penuh 1933 | Kadar Keutamaan 1933 |
|--|----------------------|--|----------------------|
| Kerosene | \$0.15 / 1 gelen | \$0.15 / 1 gelen | \$0.15 / 1 gelen |
| Petrol | \$0.35 / 1 gelen | \$0.35 / 1 gelen | \$0.35 / 1 gelen |
| Rokok | \$1.00 / 1 lb | \$1.10 / 1 lb | \$1.00 / 1 lb |
| Kosmetik | 25% ad val. | 50% ad val. | 25% ad val. |
| Tekstil | 10% ad val. | 20% ad val. | 10% ad val. |
| Basikal | 10% ad val. | 20% ad val. | 10% ad val. |
| Peralatan basikal | 10% ad val. | - | - |
| Pelindung tayar | - | \$0.15 / setiap 1 | \$0.08 / setiap 1 |
| Tiub | - | \$0.06 / setiap 1 | \$0.03 / setiap 1 |
| Motorsikal dan peralatannya | Percuma | 20% ad val. | Percuma |
| Hasil pembuatan loyang, gangsa dan tembaga | Percuma | 10% ad val. | Percuma |
| Bateri lampu suluh elektrik | Percuma | 20% ad val. | 5% ad val. |
| Bateri elektrik lain | Percuma | 15% ad val. | Percuma |
| Lilin parafin | Percuma | 15% ad val. | 5% ad val. |
| Motokar | Percuma | Duti pendaftaran bersamaan 20% nilai kemasukan sebagai tambahan bagi yuran biasa | Yuran biasa sahaja |

Sumber: "Memorandum on the Trade and Tariff of British Malaya", 1934

*Catatan:

gelen : unit sukatan cecair (1 gelen = 4.55 liter)

lb : unit berat paun (1 lb = 0.45kg)

ad val. : ad valorem (percukaian berdasarkan nilai komoditi)

PEMBANGUNAN JARINGAN PERDAGANGAN ANTARA EMPAYAR

Perkembangan bandar pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu sepanjang abad ke-16 hingga abad

ke-17 merupakan kesan persaingan kuasa-kuasa Eropah membina dan mendapatkan tapak untuk mendirikan pusat jaringan perdagangan masing-masing di gugusan kepulauan Melayu. Situasi ini menyebabkan pembukaan bandar-bandar pelabuhan

Eropah dalam jaringan perdagangan intra-Asian. Antaranya ialah Melaka, Riau, Benkulen, Makassar, Ambon, Manila dan Timur (Nordin 2008:10-13). Sebelum tahun 1824, British telah membuka Pulau Pinang dan Singapura sebagai bandar pelabuhan bebas. Kedua-dua pelabuhan ini berjaya menarik pedagang asing dan membawa keuntungan kepada EIC (Nordin 2007:109). Walau bagaimanapun, sejak tahun 1910-an kegagalan pedagang British bersaing dengan pedagang asing telah mendorong kepada keperluan campur tangan kerajaan kolonial untuk melindungi kedudukan mereka dalam jaringan perdagangan antarabangsa (Mokhtar & Samsudin 2017). Pengekalan dasar perdagangan bebas di NNS menyebabkan pedagang asing, khususnya Jerman mula menguasai pasaran dengan menawarkan barang yang lebih berkualiti berbanding pedagang British. Situasinya menyebabkan barang import British tidak mendapat permintaan tinggi dalam pasaran (HCO 8350/16 1916). Oleh itu, kerajaan British mengarahkan pelaksanaan dasar perdagangan terhadap Jerman melalui kerajaan NNMB dan NNS (Lihat Mokhtar & Samsudin 2017).

Kawalan perdagangan tanah jajahan diteruskan British pada tahun 1920-an. British menggunakan Persidangan Imperial pada tahun 1926 untuk membolehkan kerajaan British mengawal secara langsung hubungan perdagangannya dengan tanah jajahan. Dasar bersifat neomerkantilisme ini cuba diimplementasikan menerusi pembentukan dasar pembangunan perdagangan antara empayar yang juga bertujuan menyelesaikan masalah pengangguran di Britain. Setiausaha Tanah Jajahan turut melibatkan NNMB dalam pelaksanaan dasar ini sebagai pembekal getah dan timah dalam jaringan perdagangan antara empayar. Sebagai tanah jajahan beriklim tropika, NNMB turut diberikan peranan sebagai ‘pelengkap’ jaringan perdagangan perdagangan antara empayar iaitu tempat British memasarkan barang dan hasil pembuatan dari Britain. Tujuannya adalah untuk memastikan imbalan perdagangan Britain dapat dikekalkan dalam keadaan positif yang mana nilai eksportnya lebih tinggi daripada nilai import (Imperial Conference 1926).

Persidangan Imperial 1930 menjelaskan lagi dasar pembangunan jaringan perdagangan antara empayar sebagai satu bentuk hubungan perdagangan antara United Kingdom dengan empayar British yang memberi manfaat kepada Britain (CAB 24/215/CP 3 1930). Kerajaan Britain mengawal jaringan perdagangan ini menerusi Jawatankuasa Ekonomi

Imperial yang ditubuhkan dalam Persidangan Imperial 1923. Bidang kuasa jawatankuasa ini turut terpakai di NNMB kerana perwakilan negeri-negeri naungan British telah memberi persetujuan terhadap pembentukan jawatankuasa tersebut ketika Persidangan Imperial 1923 (“Imperial Economic Committee” 1932). Selain menyelia bekalan bahan mentah dari tanah jajahan, jawatankuasa ini turut bertanggungjawab mengenal pasti potensi tanah jajahan yang dapat membekalkan produk makanan berasaskan buah-buahan untuk empayar British. Malah, bagi melindungi jaringan perdagangan ini Jawatankuasa Ekonomi Imperial berperanan memastikan pelaksanaan dasar keutamaan imperial. Tujuannya adalah untuk membolehkan peniaga dan pedagang British dapat bersaing dengan peniaga dan pedagang dari negara asing (Imperial Economic Committee 1930). Dasar ekonomi imperial ini digunakan sebagai strategi neomerkantilisme kerajaan British untuk mengukuhkan nilai lebihan perdagangan dan membentuk blok ekonomi empayar berasaskan matawang Sterling (CAB 24/215/47 1930).

Kesan pelaksanaan dasar ini telah menyebabkan Tanah Melayu keseluruhannya berada pada tempat ketiga dalam kedudukan nilai ‘*external trade per head of population*’ British pada tahun 1928. Berbanding dengan New Zealand (£67 s.6 d. 6) dan Kanada (£57 s.12 d.8), Tanah Melayu telah mencatatkan nilai perdagangan luarnya sebanyak £51 s.12 d.10 iaitu lebih tinggi berbanding kedua-dua negara tersebut. Pencapaian ini merupakan kesan kedudukan Tanah Melayu sebagai ‘key area’ dalam jaringan perdagangan antara empayar British di Timur Tengah dan Timur Jauh (CAB 24/215/47 1930, NAA:A981,MAL 1 1928-1935). Jadual 2 menunjukkan gambaran keseluruhan hubungan perdagangan NNMB dalam jaringan perdagangan antara empayar British. Jumlah import dan eksport yang tinggi dimonopoli dua pelabuhan utama NNS iaitu Singapura dan Pulau Pinang. Kedua-dua pelabuhan ini merupakan pintu masuk bagi pedagang asing untuk mendapatkan komoditi dan barang dari NNMB. Bahkan, pelabuhan Singapura khususnya memerlukan komoditi dan produk dari NNMB bagi meneruskan peranannya sebagai pelabuhan entrepot dalam jaringan perdagangan antara empayar. Seterusnya, kedudukan United Kingdom yang berada pada tempat kedua dalam import dan eksport NNMB menunjukkan wujudnya hubungan perdagangan langsung antara negara

induk dengan negeri-negeri naungan, sama seperti prinsip merkantilisme yang diamalkan British sebelum abad ke-18.

Selain itu, walaupun dengan nilai import yang rendah, kedudukan Siam dalam perdagangan antarabangsa NNMB adalah singnifikan kerana negara tersebut merupakan pengimport utama komoditi beras untuk Tanah Melayu. Negara asing lain yang mempunyai hubungan perdagangan yang rapat dengan NNMB ialah Amerika Syarikat yang


jugalah merupakan pelanggan utama eksport getah dan timah. Selain itu, NNMB turut mempunyai kedudukan dalam perdagangan global apabila mempunyai hubungan perdagangan dengan negara lain seperti Itali, Jerman, Kanada, Australia, Belgium, Belanda, Jepun, Argentina, Sweden, Denmark dan Poland. Namun, negara-negara tersebut hanya memberi tumpuan terhadap eksport getah dari NNMB (Federated Malay States, 1939).

JADUAL 2. Jaringan Perdagangan Antara Empayar dan Antarabangsa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

| | Import | | | | |
|----------------------------|----------|----------|----------|----------|----------|
| | 1934 (%) | 1935 (%) | 1936 (%) | 1937 (%) | 1938 (%) |
| Negara Pengimport | | | | | |
| Singapura | 31.42 | 30.55 | 30.79 | 27.52 | 23.45 |
| Pulau Pinang | 17.61 | 19.54 | 19.43 | 18.58 | 16.56 |
| United Kingdom | 12.70 | 13.65 | 14.42 | 18.04 | 22.44 |
| Tanah Jajahan British lain | 9.36 | 10.52 | 9.33 | 9.56 | 9.44 |
| Benua Eropah | 2.54 | 2.45 | 2.79 | 4.27 | 3.50 |
| Siam | 9.45 | 7.53 | 8.00 | 6.28 | 7.96 |
| Belanda Hindia | 9.93 | 8.48 | 8.65 | 8.31 | 9.00 |
| Negara asing lain | 2.71 | 2.74 | 2.71 | 3.47 | 3.50 |
| Eksport | | | | | |
| Negara Pengimport | 1934 (%) | 1935 (%) | 1936 (%) | 1937 (%) | 1938 (%) |
| Singapura | 23.12 | 24.18 | 24.59 | 23.53 | 22.46 |
| Pulau Pinang | 28.08 | 33.13 | 35.03 | 35.01 | 32.37 |
| United Kingdom | 16.62 | 15.46 | 6.73 | 7.33 | 11.63 |
| Tanah Jajahan British lain | 1.14 | 1.75 | 2.25 | 2.17 | 2.73 |
| Amerika Syarikat | 15.23 | 14.02 | 17.95 | 14.63 | 11.76 |
| Negara asing lain | 12.67 | 9.74 | 11.39 | 15.03 | 15.97 |

Kesan dasar perdagangan antara empayar boleh diteliti menerusi data dalam Rajah 2. Secara keseluruhannya, data tersebut turut memaparkan keadaan sistem merkantil di NNMB antara tahun 1926 hingga 1937. Data membuktikan ciri utama neomerkantilisme NNMB iaitu keutamaan ekonomi eksport berbanding import. Penelitian terhadap laporan tahunan kerajaan NNMB membuktikan, wujudnya dasar neomerkantilisme British untuk memastikan lebihan perdagangan positif atau

'favorable balance of trade' bagi mendapatkan lebihan kewangan. Umumnya, lebihan kewangan ini diperlukan British bagi menampung kos pentadbiran dan pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu. Sektor komersial bergantung dengan kerajaan NNMB bagi mendapatkan kemudahan infrastruktur seperti bekalan elektrik dan air, kemudahan pengangkutan dan tenaga buruh bagi meneruskan operasi industri mereka (CO 576/42 1931).



RAJAH 2: Pulangan Perdagangan Am dan Lebihan Kewangan NNMB, 1926-1937

Sumber: Federated Malay States (1939) & Mokhtar (2020)

Ketika era kemelesetan antara tahun 1930 hingga 1933, pengukuran lebihan kewangan berlaku walaupun ketika tempoh kemerosotan ekonomi eksport. Situasi ini berlaku disebabkan tindakan kerajaan NNMB membuat pinjaman awam di pasaran London melalui '*Crown Agents*' dan pinjaman awam di Tanah Melayu. Pada tahun 1931, kerajaan NNMB telah mendapat kelulusan pinjaman sebanyak \$15,877,208 dengan kadar faedah 4.5 peratus bagi tempoh 25 tahun. Pada tahun yang sama, sebanyak £850 pinjaman telah dilakukan melalui '*Crown Agents*' dalam pasaran London (CO 576/42 1931). Kepentingan pinjaman ini dilakukan adalah untuk memastikan kerajaan NNMB tetap mempunyai lebihan kewangan untuk menampung kos operasi pembangunan kolonial. Ini kerana, kemelesetan ekonomi yang berlaku sejak akhir tahun 1929 hingga 1933 menyebabkan sektor ekonomi eksport khususnya industri timah dan getah tidak mampu menampung kos operasi. Justeru, dana kerajaan persekutuan diperlukan bagi memastikan kedua-dua industri tersebut beroperasi walaupun berlakunya kemelesetan ekonomi (CO 576/42 1931). Tambahan lagi, sektor komersial amat bergantung dengan dana atau bantuan dari kerajaan NNMB (CO 576/42 1931). Justeru, hujah yang mengatakan Tanah Melayu bergantung dengan

pelaburan asing untuk pembangunan ekonominya wajar dinilai semula (Courtenay 1972). Pinjaman awam yang dilakukan kerajaan NNMB merupakan satu bentuk aliran modal dari negara induk bagi memastikan kemandirian sumber bahan mentah di Tanah Melayu. Menurut Davis & Huttenback (1988), bentuk hubungan ekonomi ini juga merupakan salah satu dasar neomerkantilisme British.

PEMBANGUNAN PRODUK TROPIKA

Pelaksanaan dasar keutamaan imperial tidak terbatas dalam pembentukan sistem percuakan. Dasar ini turut berperanan menentukan sumber ekonomi yang perlu dibangunkan kerajaan kolonial di tanah jajahan. Ciri neomerkantilisme ini sebenarnya telah wujud sejak akhir abad ke-19 iaitu keperluan untuk membentuk pentadbiran persekutuan NNMB bagi pembangunan ekonomi. Oleh sebab itu, Chamberlain meluluskan cadangan pembentukan NNMB pada tahun 1895 (FCO 141/15783, 1895). Dasar keutamaan terhadap pembangunan ekonomi eksport berasaskan getah dan timah terus dijadikan sebagai sumber kekayaan NNMB sepanjang tempoh penjajahan British (Andaya & Andaya 2017:216-223). Kemudian pada tahun 1925, Jawatankuasa Ekonomi Imperial mula mendorong kerajaan NNMB membangunkan produk tropika lain seperti

buah-buahan dan sawit. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kebergantungan sebanyak 75 peratus United Kingdom terhadap import produk makanan dari negara asing yang mempunyai kadar cukai tinggi (Sel. Sect. 1926). Menurut Gardner & Roy (2020), fungsi ekonomi tanah jajahan sebagai pembekal bahan mentah dan pasaran bagi import negara induk ialah dasar merkantilisme yang diamalkan British.

Lanjutan daripada Persidangan Imperial 1926, Leo Amery, Setiausaha Tanah Jajahan telah menganjurkan Persidangan Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1927. Amery menggunakan persidangan ini untuk meneruskan dasar neomerkantilisme yang pernah dicadangkan Joseph Chamberlain pada awal abad ke-20 iaitu melaksanakan dasar pembangunan sumber bahan mentah di tanah jajahan untuk manfaat negara induk. Menerusi persidangan ini juga, Amery cuba untuk membentuk dasar ekonomi imperial yang seragam di seluruh tanah jajahan British, khususnya tanah jajahan beriklim tropika yang mempunyai sumber bahan mentah yang mapan. Justeru, sebagai pembekal sumber bahan mentah bagi jaringan perdagangan antara empayar British, Pejabat Tanah Jajahan telah bersetuju untuk melaksanakan dasar pembangunan tropika di NNMB dengan melibatkan sektor perhutanan, pertanian, komunikasi, perubatan dan sanitari. Tumpuan terhadap sektor-sektor tersebut adalah untuk memastikan ekonomi eksport di NNMB dapat dibangunkan sebagai sumber pendapatan bagi British (CO 885/29/6 1927).

Pada tahun 1926 juga, Jawatankuasa Ekonomi Imperial telah mencadangkan kepada Pejabat Tanah Jajahan agar melaksanakan dasar keutamaan imperial terhadap ekonomi eksport di NNMB. Cadangan ini telah membawa kepada perkembangan pembangunan sumber bahan mentah selain getah dan timah di NNMB iaitu nanas dan sawit (CO 273/534/15 1926). Industri nanas di NNMB telah berkembang awal sejak tahun 1922, namun operasinya hanya dibataskan di Klang, Selangor. Batasan ini disebabkan British tidak mahu mengubah peranan NNMB sebagai pembekal getah dan timah dalam jaringan perdagangan antara empayar. Namun, sumbangan hasil nanas NNMB bersama-sama hasil dari Johor dan NNS menjadikan Tanah Melayu sebagai pengeksport kedua terbesar produk nanas dalam pasaran dunia. Bagaimanapun, sehingga tahun 1930, British memonopoli eksport nanas Tanah Melayu sebanyak 80 peratus (Editorial 1930). Kawalan British tersebut adalah disebabkan kebergantungan pengguna di United Kingdom


terhadap produk makanan nanas dalam tin dari Tanah Melayu. Tambahan lagi, produk nanas dari Tanah Melayu adalah murah dan dikenali sebagai ‘*poor man’s dish*’ dalam pasaran di United Kingdom (Grist 1930: 189). Selain itu, monopoli pasaran London terhadap eksport nanas dari Tanah Melayu juga merupakan kesan langkah pemasaran produk oleh Lembaga Pemasaran Empayar dan Agensi Informasi Negeri-Negeri Melayu yang berpengkalan di London sejak tahun 1928. Kesannya, produk nanas dalam tin dari NNMB telah mendapat perhatian dalam Pameran Industri British di London, Pameran Kebangsaan Kanada di Toronto dan Pertunjukan Buah-Buahan Imperial di Manchester. (Federated Malay States 1929). Pada tahun 1938, nilai eksport nanas dalam tin dari NNMB meningkat kepada \$1,839,829 berbanding \$894,343 yang dicatatkan pada tahun 1937 dan \$1,589,840 pada tahun 1936 (Federated Malay States 1939).

Pelaksanaan dasar pembangunan produk tropika turut melibatkan pengenalan tanaman sawit di NNMB. Persidangan Penyelidikan Pertanian Imperial pada tahun 1927, mendapati NNMB mempunyai potensi bagi pembangunan industri sawit. Selain faktor iklim tropika, usaha British membangunkan industri tersebut disebabkan faktor permintaan yang tinggi dalam pasaran Britain terutamanya bagi industri pembuatan sabun, majerin, pembuatan makanan berasaskan lemak khinzir dan pembuatan lilin (Imperial Agricultural Research Conference 1927: 75). Kesannya, sehingga tahun 1941, seluas 15,300 ekar tanah telah dibuka di Selangor untuk penanaman sawit. Sementara itu, 19,500 ekar di Perak, 2,700 ekar di Negeri Sembilan dan 4,000 ekar di Pahang (Lim 1967:130, 139). Perkembangan ini turut dipengaruhi oleh pelaksanaan dasar keutamaan imperial terhadap produk sawit menerusi Perjanjian Ottawa 1932 dan Akta Duti Import 1932 yang mengenakan cukai import terhadap produk berasaskan sawit seperti minyak sawit dan isirung ke NNMTB dan NNMTB. Pelaksanaan dasar keutamaan imperial ini bertujuan melindungi produk sawit dari NNMTB daripada persaingan perdagangan produk yang sama oleh negara Eropah seperti Perancis, Itali, Sepanyol, Switzerland, Denmark, Czechoslovakia dan Austria. Walaupun begitu, eksport produk sawit dari NNMTB tetap dapat menembusi pasaran negara asing lain seperti Rusia dan negara di Timur Jauh (Editorial 1934: 406-414)

Rajah 3 menunjukkan peningkatan hasil minyak sawit yang dikeluarkan NNMTB bagi ekonomi eksportnya. Selain terdapat trend peningkatan

permintaan pasaran, peningkatan hasil pengeluaran yang berlaku antara tahun 1937 turut dipengaruhi dengan dasar kerajaan persekutuan yang mengurangkan kadar sewa dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan saintifik (Editorial 1934: 406-414). Antara tahun 1937 hingga 1939, kerajaan NNMTB

telah memberikan rebat sebanyak 50 peratus terhadap kadar sewa tanah yang dibayar dengan kadar \$1 untuk setiap ekar tanah yang ditetapkan untuk tanaman sawit (Editorial 1939: 67). Tindakan ini dilaksanakan kerana tahap kesuburan tanah di Tanah Melayu yang rendah (Stockdale 1939: 371).



Sumber: Federated Malay States (1939)(1938) & Malayan Tribune (1936)

KESIMPULAN

Kemerosotan perdagangan antarabangsa dan kegagalan untuk bersaing dengan negara asing merupakan faktor utama British mula meninggalkan dasar perdagangan bebas. Walaupun begitu, pada peringkat awal proses pengunduran ini kerajaan British menghadapi kesukaran untuk mendapatkan persetujuan daripada kerajaan Dominion. Masalah ini berlaku kerana wujudnya sentimen dalam kalangan Dominion yang cuba keluar daripada kawalan ekonomi kerajaan British. Oleh sebab itu, Persidangan Imperial digunakan oleh kerajaan British untuk mengikat keseluruhan empayarannya bagi melaksanakan dasar ekonomi yang seragam. Bagi kes NNMB yang merupakan negeri naungan, British tidak mempunyai halangan untuk melaksanakan dasar ekonomi imperial yang telah diputuskan di London. Hal ini dikatakan demikian ini kerana Raja-Raja Melayu telah menurunkan kuasa pentadbiran kepada British bagi membentuk sistem ekonomi persekutuan (Lihat Mokhtar, Azmi dan Samsudin 2017). Secara keseluruhannya, artikel ini berhujah mengenai pelaksanaan dasar neomerkantilisme di NNMB membolehkan kerajaan British mengawal dan menentukan fungsi ekonomi kolonialnya. Perkara ini dibuktikan melalui arahan pelaksanaan

cukai perlindungan, pembangunan tanaman baharu dan peranan NNMB dalam perdagangan empayar British.

Sumbangan J.M. Keynes dalam pembentukan idea ekonomi liberal menyumbang kepada kebangkitan neomerkantilisme di Britain sejak tahun 1920-an. Idea beliau mendapat sokongan dan perhatian dalam kalangan ahli politik British disebabkan amalan perdagangan bebas gagal menyelesaikan masalah ekonomi pasca perang. Pengaruh Keynes signifikan dalam kritikannya terhadap sikap kerajaan British yang teragak-agak untuk melaksanakan perlindungan ekonomi. Keynes berhujah

... if Free Traders reject these counsels of expediency, the certain result will be to break the present Government and to substitute for it, the confusion of a Crisis of Confidence, a Cabinet pledged to a full protectionist programme.

(Rooth 1992: 59-60)

Tekanan Keynes ini disebabkan terdapat sebahagian daripada ahli politik Parti Konservatif dan Parti Buruh yang menentang pelaksanaan dasar ekonomi oleh pihak kerajaan di bawah pimpinan Parti Buruh. Persengketaan ini telah menyebabkan kejatuhan pentadbiran Parti Buruh dan membolehkan Kerajaan Kebangsaan ditubuhkan pada pilihan raya pada

tahun 1931. Kerajaan Kebangsaan dianggotai ahli parti politik British yang menyokong pelaksanaan dasar perlindungan ekonomi. Kemenangan mereka ini juga menjadi tanda sokongan rakyat Britain terhadap dasar perlindungan ekonomi yang dipelopori Keynes.

Perkembangan politik di Britain seterusnya telah membolehkan tiga dasar neomerkantilisme dilaksanakan di NNMB, iaitu keutamaan imperial, pembangunan jaringan perdagangan antara empayar dan pembangunan produk tropika. Selain bertujuan sebagai alternatif bagi pasaran ekonomi Eropah, pelaksanaan ketiga-tiga dasar ini juga merupakan langkah perlindungan ekonomi kolonial oleh kerajaan British untuk mewujudkan peluang pekerjaan. Menurut Bromhead, Fernihough, Lampe & O'Rouke (2018), kerajaan British percaya dengan membangunkan ekonomi eksport di tanah jajahan sektor perindustrian di negara induk dapat beroperasi. Hal ini kerana tanah jajahan dapat membekalkan bahan mentah yang murah dan peningkatan ekonomi tanah jajahan dapat menyerap import dari Britain. Oleh itu, operasi sektor perindustrian di Britain dapat diteruskan bagi mewujudkan peluang pekerjaan. Oleh sebab itu, dasar neomerkantilisme dilaksanakan di NNMB bagi melindungi kepentingan ekonomi British daripada penguasaan asing. Situasi ini kemudiannya menyebabkan konflik global pada abad ke-20, kesan daripada tindakan perlindungan perdagangan bahan mentah (White, Barwise and Shakila, 2019: 2).

NOTA

1. Merkantilisme ialah doktrin ekonomi yang mengutamakan ekonomi eksport berbanding import. Melalui pengutamaman ekonomi, eksport lebihan perdagangan dapat dihasilkan sebagai sumber kekayaan negara. Bagi mencapai matlamat ekonomi tersebut, dasar merkantilisme melibatkan campur tangan kerajaan untuk melaksanakan perlindungan ekonomi domestik dari penguasaan asing. Pada abad ke-20, merkantilisme dikenali sebagai neomerkantilisme yang mengutamakan perlindungan sektor industri untuk meningkatkan hasil pendapatan negara (Johnson 1974). Perdagangan bebas pula ialah idea ekonomi pasaran bebas tanpa sebarang sekatan tarif. Berbanding dasar merkantilisme yang mengikat hubungan perdagangan antara tanah jajahan dengan negara induk, dasar perdagangan bebas mengurangkan campur tangan kerajaan imperial terhadap kegiatan ekonomi di tanah jajahan. Era perdagangan bebas sering dikaitkan dengan perkembangan kapitalisme kerana golongan pemodal bebas melakukan pelaburan tanpa kawalan dari kerajaan (Gallagher & Robinson 1953).

2. Dominion juga dikenali sebagai ‘White Dominion’ ialah jajahan British yang berkerajaan sendiri dan mempunyai status yang setaraf seperti kerajaan British. Antara negara yang terlibat ialah Canada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan PhD penulis koresponden dibiayai Skim SLAB oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dapatkan awal kajian ini telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu ke-8, 2019 dan ‘Asia Economic History Seminar 2020-21, London School of Economics and Political Science. Para penulis merakamkan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara United Kingdom, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM dan Economic History Society, UK. Terima kasih kepada Prof. Nick White, Prof. B.R. Tomlinson, Prof. Madya Dr Azlizan, Prof. Madya Dr Hamidin, Dr Azharudin, panel penilai dan semua pihak yang membantu kajian ini.

RUJUKAN

1932. Imperial Economic Committee: *A Survey of its Work. Journal of the Textile Institute Proceedings* 23:9: 237-238. DOI: 10.1080/19447013208687389
1934. Memorandum on the Trade and Tariff of British Malaya. *Memorandum (Institute of Pacific Relations, American Council* 3(10).
- Allen, G.C. & Donnithorne, A.G. 1957. *Western Enterprise in Indonesia and Malaya: A Study in Economic Development*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y. 2017. *A History of Malaysia*. 3rd Ed. London: Palgrave.
- Ashton, S.R. & Stockwell, S.E. *Imperial Policy and Colonial Practice 1925-1945*. London: HMSO.
- Azlian Mat Enh & Suraini Rosli. 2018. Institusi Perbidanan di Selangor, 1900-1955. *Akademika* 88(1): 17-34.
- Booth, A. E. 2007. *Colonial Legacies Economic and Social Development in East and Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Bromhead, A.D., Fernihough, A., Lampe, M. & O'Rourke, H. 2018. The Anatomy of Trade Collapse: The UK, 1929-1933. *European Review of Economic History* 23: 123-144.

- CAB 24/215/47. 1930. State of trade according to report made at the meeting of the Board of Trade Advisory Council on 8th October.
- CAB 24/215/CP/3. 1930. Imperial Trade Policy & Imperial Economic Machinery. The National Archive, London.
- CAB 24/216/CP/363/1. 1930. Economic Advisory Council. Committee of Economists.
- CAB 24/232/CP/298/3. 1932. Cabinet. Ottawa Conference. Summary of Conclusions and Copies of Trade Agreements.
- CO 273/527. 1924. Trade Conditions of British Malaya.
- CO 273/534/15. 1926. Imperial Economic Committee Third Report – Fruits.
- CO 576/1. 1903. Annual Report for the Year 1903 on the Federated Malay States.
- CO 576/42. 1931. Federated Malay States. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council.
- CO 717/55/7. 1927. Imperial Preference.
- CO 717/81. 1931. New Taxation.
- CO 717/99. 1933. Tin Industry Export Duty.
- CO 852/94/14. 1937. Economic Survey of the Colonial Empire. Federated Malay States.
- CO 852/97/11. 1937. Economic Dependencies. Malaya.
- CO 885/29/6. 1927. Colonial Office Conference, 1927. Memoranda and Papers.
- Constantine, S. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*. London: Frank Cass.
- Courtenay, P.P. 1972. *A Geography of Trade and Development in Malaya*. London: G. Bell & Sons, Ltd.
- Cunningham, J.W. 1983. *British Economists and the Empire*. London: Croom Helm.
- Davis, L.E. & Huttenback, R.A. 1988. *Mammon and the Pursuit of Empire: The Economic of British Imperialism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Drabble, J.H. 1974. Some Thoughts on the Economic Development of Malaya under British Administration. *Journal of Southeast Asian Studies* 5(2): 199-208.
- Editorial. 1930. Malayan Pineapples. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII (2): 60-61.
- Editorial. 1934. The Present Economic Condition of the Coconut and Other Oil-Producing Industries. *The Malayan Agricultural Journal* XXII(19): 405-436.
- Editorial. 1939. Quit Rents on Coconut and Oil Palm Lands. *The Malayan Agricultural Journal* XXVII(2): 67.
- FCO 141/15783. 1895. Singapore: Future administration of the Protected Natives States; Treaty of Federation, 1895.
- Federated Malay States. 1929. Annual Report of the Secretary for Agriculture Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1928.
- Federated Malay States. 1932. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 31 October and 1 November.
- Federated Malay States. 1938. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1937*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Federated Malay States. 1939. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Gallagher, J. & Robinson, R. 1953. The Imperialism of Free Trade. *The Economic History Review* 6(1):1-15.
- Gardner, L. & Roy, T. 2020. *The Economic History of Colonialism*. Bristol: Bristol University Press.
- Great Britain. 1921. Summary of Proceedings and Documents, Conference of Prime Ministers and Representatives of the United Kingdom, The Dominions, and India. London: His Majesty's Stationery Office.
- Grist, D.H. (Agricultural Economist). 1930. The Malayan Pineapple Industry. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII(4): 188-191.
- Guerrieri, Paolo & Padoan, Pier Carlo. 1986. Neomercantilism and International Economic Stability. *International Organization* 40(1): 29-42.
- HCO 8350/16. 1916. Trade After War.
- Howe, A. 2002. Restoring Free Trade: The British Experience, 1776-1873. In *The Political Economy of British Historical Experience, 1688-1914*, edited by D. Winch & P. K. O'Brien. Oxford: Oxford University Press.
- Imperial Agricultural Research Conference, 1927. 1927. *Agricultural Research in the Overseas Empire*. London: HMSO.
- Imperial Conference. 1926. *Summary of Proceedings*. Dublin: The Stationery Office.
- Imperial Economic Committee. 1930. *Thirteenth Report: A Memorandum on the Trade of the British Empire 1913 and 1925 to 1928*. London: His Majesty's Stationery Office.
- Johnson, H.G. 1974. Mercantilism: Past, Present and Future. *The Manchester School* 42(1):1-17.
- Keynes, John Maynard. 2010. *Essays in Persuasion*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Keynes, John Maynard. 2017. *The General Theory of Employment, Interest and Money*. Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited.
- Koot, Gerard M. 1987. *English Historical Economics, 1870-1926: The Rise of Economic History and Neomercantilism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Koot, Gerard M. 1993. Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920. In *Mercantilist Economics*, edited by Lars Magnusson, 187-219. New York: Springer Science+Business Media.

- Kratoska, P.H. 2000. Imperial Unity Versus Local Autonomy: British Malaya and the Depression of the 1930s. In *Weathering the Storm*, edited by P. Boomgaard & Ian Brown. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Leperche, Blandine & Uzunidis, Dimitri. 2009. The New Mercantilism and the Crisis of Global Capitalism: Element for Discussion. *13th Conference of the Research Network Macroeconomics and Macroeconomic Policies* (RNM), 30-31 October 2009.
- Lim, Chong-Yah. 1967. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Loh, Wei Leng. 2002. The Colonial State and Business: The Policy Environment in Malaya in the Inter-War Years. *Journal of Southeast Asian Studies* 33(2): 243-256.
- Mace, Brice M. & Adam, T. Ritchie. 1933. Imperial Preference in the British Empire. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 168: 226-234.
- Madden, A. F. 1959. Changing Attitudes and Widening Responsibilities, 1895-1914. In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. III, edited by E.A. Benians, J.R.M. Butler, P.N.S. Mansergh & E.A. Walker. Cambridge: Cambridge University Press.
- Magnusson, L. 2015. *The Political Economy of Mercantilism*. Oxon: Routledge.
- Malayan Tribune*. 1936. Palm Oil in Malaya, 28 August.
- McIntyre, W.D. 1967. *The Imperial Frontier in the Tropics 1865-75*. London: Macmillan.
- Meyer, F.V. 1948. *Britain's Colonies in World Trade*. London: Oxford University Press.
- Mokhtar, Mohd Shazwan & Samsudin, Mohd. (April) 2017. 'Trade War': Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918. *Akademika* 87(1): 75-89. doi.org/10.17576/akad-2017-8701-06
- Mokhtar, Mohd Shazwan, Azmi, Muhammad Aslah Akmal & Samsudin, Mohd. 2017. Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1909-1913). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 44(2):1-26.
- Mokhtar, Mohd Shazwan. 2018. Keutamaan Imperial dalam Pembangunan Perdagangan Antara Empayar British di Tanah Melayu, 1921-1926. In *Prosiding Kongres Sejarah Malaysia III: Sejarah Malaysia: Pasak Masa Hadapan Negara*, edited by Jumaat Mohd Nor, Azlizan Mat Enh, Suffian Mansor & Mohd Shazwan Mokhtar, 90-102. Bangi: Muzium Warisan Akademik
- Mokhtar, Mohd Shazwan. 2020. The Federated Malay States Surplus Balance to Credit. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.13266.38089>. Retrieve on: 10 June 2021.
- NAA: A981, MAL 1. 1928-1935. Malaya. Federated Malay States General. National Archives of Australia.
- New Zealand. 1931. Imperial Conference, 1930. Summary of Proceedings.
- Nordin Hussin. 2008. Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800. *Akademika* 73: 3-26.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in the Straits of Melaka*. Copenhagen: NIAS Press.
- O'Brien, P.K. & Pigman, G.A. 1992. Free Trade, British Hegemony and the International Economic Order in the Nineteenth Century. *Review of International Studies* 18(2): 89-113.
- Palen, Marc-William. 2016. *The "Conspiracy" of Free Trade: The Anglo-American Struggle Over Empire and Economic Globalisation, 1846-1896*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Raico, Ralph. 2008. Wes Keynes a Liberal. *The Independent Review* 13(2): 165-188.
- Rooth, Tim. 1992. *British Protectionism and the International Economy: Overseas Commercial Policy in the 1930s*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sel. Sect. 2613/1925. 1926. Downing Street, Circular (Federated Malay States) to High Commissioner for the Malay States, 19 November.
- Sewer, L. 1992. The Navigation Acts Revisited. *The Economic History Review* 45(2): 262-284.
- Smith, Adam. 2003. *The Wealth of Nations*. New York: Bantam Dell.
- Stockdale, Frank (Agricultural Adviser to the Secretary of State to Colonies). 1939. Report on a Visit to Malaya. *The Malayan Agricultural Journal* XXVII(9): 371-374.
- Stubbings, M. 2019. Free Trade Empire to Commonwealth of Nations: India, Britain and Imperial Preference, 1903-1932. *The International History Review* 41(2): 323-344.
- T 176/11. 1923. Empire development: Imperial Economic Conference.
- T 176/25A. 1925-1927. Empire development: Imperial Conference.
- The Straits Times*. 1916. F.M.S. War Taxation. 29 December.
- Tomlinson, B.R. 2003. The British Economy and the Empire, 1900-1939. In *A Companion to Early Twentieth-Century Britain*, edited by Chris Wrigley, 198-211. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Tomlinson, Jim. 2012. The Empire/Commonwealth in British Economic Thinking and Policy. In *Britain's Experience on Empire in the Twentieth Century*, edited by Andrew Thomson, 211-250. Oxford: Oxford University Press.
- UK Parliament. 2019. Free trade and Protection. www.parliament.uk/about/living-heritage/transformingsociety/tradeindustry/importexport/overview/freetrade. Accessed on : 31 May 2019.

- White, Nicholas J., Barwise, J.M. & Shakila Yacob. 2019. Economic Opportunity and Strategic Dilemma in Colonial Development: Britain, Japan and Malaya's Iron Ore, 1920s to 1950s. *The International History Review*. DOI: 10.1080/07075332.2018.1561491
- Wiener, Joel H (ed.). 1972a. *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*. Vol. III. New York: Chelsea House Publishers.
- Wiener, Joel H (ed.). 1972b. *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*. Vol. IV. New York: Chelsea House Publishers.
- Wong, L.K. 1979. Twentieth-Century Malayan Economic History: A Select Bibliographic Survey. *Journal of Southeast Asian Studies* 10(1): 1-24.
- Yeo, Kim Wah. 1971. British Policy Towards the Malays in the Federated Malay States, 1920-40. Ph.D. Thesis, Australian National University.
- Young, Ralph A. 1928. Great Britain's Recent Trend Toward Protection. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 135(1): i-250.
- Mohd Shazwan Mokhtar (corresponding author)
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: msm@ukm.edu.my
- Mohd Samsudin
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: moss@ukm.edu.my
- Suffian Mansor
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: smansor@ukm.edu.my

Received: 11 October 2019

Accepted: 30 August 2021